

01 JUL 1999

Zaharah-Senarai

CALON WANITA TANDING P/RAYA MESTI PENUHI SYARAT, KATA SITI ZAHARAH

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Calon wanita yang akan dipilih untuk dipertimbangkan bertanding pada pilihan raya akan datang perlu memenuhi syarat-syarat tertentu, kata Ketua Pergerakan Wanita UMNO Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman hari ini.

"Mereka perlu memenuhi banyak syarat kerana rakyat sekarang bijak ... justeru itu perlu kepada calon yang memenuhi ciri-ciri yang dikehendaki rakyat. Antaranya gigih, berjasa kepada parti, setia, ada bakat kepimpinan, komited kepada parti dan setia kepada pucuk pimpinan," katanya.

Beliau yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan seminar "Media dan Masyarakat Tua" di sini.

Siti Zaharah berkata pemilihan calon wanita tidak semudah yang difikirkan dan maklumat daripada pelbagai pihak dan peringkat dikumpul dan diteliti sebelum dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat keputusan.

"Senarai nama adalah proses normal. Namun untuk satu-satu keputusan kita merujuk kepada pelbagai lapisan dan peringkat kerana sebagai sebuah parti yang menguasai kerajaan, kita mahu calon kita seorang yang berupaya untuk menyempurnakan hasrat rakyat," katanya.

Siti Zaharah berkata berdasarkan suasana politik semasa, Pergerakan Wanita Umno terpaksa menapis calon-calonnya yang akan diketengahkan pada pilihan raya kelak.

"Soal membuat keputusan bukan berdasarkan satu peringkat sahaja, banyak lapisan dan syarat yang perlu diteliti namun jika orang itu dilihat berpotensi sebagai pemimpin, mereka akan dipertimbangkan. Siapa dan di mana itu tidak penting, yang penting menangkan parti," katanya.

Zaharah mengelak menjawab soalan pemberita mengenai kemungkinan muka-muka baru disenaraikan untuk dimajukan kepada Perdana Menteri, dengan alasan masih banyak masa untuk berbuat demikian.

Mengenai Gerak Mesra yang dilihat sebagai kempen pilihan raya, beliau berkata anggapan itu tidak benar kerana Pergerakan Wanita Umno sentiasa aktif berdamping dengan rakyat.

"Fokus Gerak Mesra ialah berdampingan dengan bukan ahli, bertujuan menjelas segala tohmahan dan kenyataan yang tidak benar mengenai kerajaan," katanya.

Menurutnya Gerak Mesra bukan aktiviti bermusim seperti amalan sesetengah parti politik yang jelas bermatlamatkan pilihan raya semata-mata.

-- BERNAMA

JAY LAT